This study involved five sites namely SB2E, SB1H, SB1J, SB1K and SB1L at the Sungai Batu Complex, Bujang Valley, Kedah. It has been conducted from 2010 until 2011. SB2E, SB1H-SB1L were excavated to establish a preliminary interpretation of the existence of jetty architecture. Field research involving survey and mapping, shallow drilling and excavation as well as laboratory scientific analysis were conducted in attempt to obtain the necessary data for the study. The finding has revealed an evidence of jetty architecture that was built prior to the first century AD. Based on their locations, architecture and the orientation of the buildings that were constructed facing towards the ancient river of Sungai Batu, these sites are suggested to function as jetties,. In general, these structures have revealed an arrangement of bricks floorings, walls, corridors and walkways. The discovery of roof tiles indicates that the structures are of roofed structures. These structures were made of bricks, with an earliest dating of 89 BC (SB1H). It is suggested that the brick manufacturing technology and commercial activities have started much earlier than the first century AD. The combination of these five sites in the west and three other sites in the east of Sungai Batu river suggests the existence of an ancient port in Sungai Batu Complex. The findings suggest that the technological advancement and living standard of the early community of Sungai Batu were possibly much better than other civilizations in Southeast Asia.

## **BAB 1**

### **TAPAK SB2E, SBIH-SB1H DALAM TAMADUN SUNGAI BATU, LEMBAH BUJANG, KEDAH.**

#### **1.0 Pengenalan**


Kajian ini melibatkan tapak SB2E, SB1H, SB1J, SB1K dan SB1L yang terletak di Sungai Batu, Lembah Bujang, Kedah. Bab ini akan memberi pengenalan mengenai Sungai Batu dalam Lembah Bujang. Sejarah pengkajian di Lembah Bujang, isu dan masalah, tujuan, metodologi dan skop kajian turut dibincangkan pada bahagian ini.

#### **1.1 Kompleks Sungai Batu**

Sungai Batu (Peta 1.1) terletak pada latitud 05°41.6' Utara, longitud 100° 27.1' Timur dan altitud 12 meter di atas aras laut. Tapak kajian Sungai Batu dianggarkan berkeluasan sekitar empat kilometer persegi (Mokhtar *et al.*, 2011:5). Tapak Sungai Batu dicadangkan sebagai sebuah kompleks berdasarkan tapak-tapak yang berdekatan antara satu dengan yang lain serta fungsi tapak yang pelbagai (Mokhtar *et al.*, 2011:4). Kajian arkeologi di Sungai Batu telah mendedahkan bukti tamadun awal yang ditandai dengan jumpaan tapak ritual/penyembahan, kawasan industri berasaskan sumber besi dan struktur jeti (Mokhtar *et al.*, 2011:16).

Kompleks Sungai Batu ditemui oleh sekumpulan penyelidik daripada Universiti Sains Malaysia pada tahun 2007 dan kajian secara menyeluruh telah dijalankan pada awal tahun 2009. Berdasarkan aktiviti survei dan pemetaan, dianggarkan terdapat 97

tapak yang berpotensi mendedahkan bukti kebudayaan (Mokhtar *et al.*, 2011:5). Bukti kebudayaan ini selalunya ditandai dengan penemuan artifak seperti bata dan sisa besi di permukaannya. Jumpaan tapak baru di Kompleks Sungai Batu telah menambah jumlah bilangan tapak kajian berpotensi di kawasan Lembah Bujang yang sebelum ini direkodkan berjumlah 87 tapak (Allen, 1988:5 dan Andaya, 2011:85).



Peta 1.1: Kedudukan kompleks Sungai Batu dalam tamadun Lembah Bujang, Kedah (selepas Mokhtar *et al.*, 2011:17).

## 1.2 Lembah Bujang Sebagai Kedah Tua

Pensejarahan Kedah Tua mula dikenali dan diteliti setelah penemuan tidak sengaja direkodkan oleh Low (1848:62-63). Penemuan oleh Low (1848) telah menyebabkan lebih banyak kajian lanjutan dilakukan secara terperinci di kawasan ini. Hasil jumpaan Low (1848), Irby (1905), Ivans (1927) dan pengkajian sarjana selepas itu membuatkan kawasan Lembah Bujang dikenali dengan nama Kedah Tua iaitu sebagai sebuah kota pelabuhan purba. Ini kerana Kedah Tua merupakan kerajaan tertua direkodkan di bahagian pantai barat Semenanjung Malaysia (Wan Mohd Shaghir, 1998:5).

Hasil kajian terdahulu membolehkan lingkungan pengaruh Kedah Tua ditakrif keluasannya sekitar 140 km<sup>2</sup> dengan perbatasan Bukit Choras di bahagian utara, Sungai Muda di bahagian selatan, Selat Melaka di bahagian timur dan lebuhraya utara selatan di bahagian barat (Adi, 1991:20; 1998:3 dan Asyaari *et al.*, 2010:306).

Bukti kerajaan Kedah Tua pada masa tersebut turut meliputi daerah-daerah seperti Seberang Perai Utara, Kuala Muda, Yan dan Kota Setar (Nik Hassan Shuhaimi, 1992:10). Namun berdasarkan jumpaan terbaru di Kompleks Sungai Batu dan Jeniang yang mendedahkan bukti industri besi, mencadangkan keluasan tamadun Lembah Bujang telah berubah menjadi lebih 1000 km<sup>2</sup> (Mokhtar *et al.*, 2011:9).

Oleh kerana zaman ini dikatakan telah wujud sistem tulisan (Nik Hassan Shuhaimi, 2010:243), maka Kedah Tua boleh dirujuk melalui rekod penulisan seperti sumber China, India, Arab-Farsi, sumber data klasik melayu seperti *Hikayat Merong Maha Wangsa* dan data arkeologi (Nik Hassan Shuhaimi, 2008:12). Ini kerana sejarah yang tidak melibatkan dokumen atau catatan tidak dapat dianggap sebagai sejarah (Mohd Yusof, 1997:94). Berdasarkan catatan, maka Kedah Tua telah dicadangkan wujud sekitar abad keempat sehingga 14 Masihi dengan beberapa nama berdasarkan latar belakang negara seseorang pedagang yang datang berdagang ke Kedah Tua (Winstedt, 1950:153 dan Braddell, 1980:32-33).

Para sarjana merekodkan Kedah Tua dengan nama seperti *Kataha* (Sanskrit), *Kadaram*, *Kidaram*, *Kidara* (Tamil), *Chieh Cha* (China) dan *Kalah* (Arab-Parsi) (Wheatley 1961b:278; Allen, 1988:206 dan Nik Hassan Shuhaimi, 2008:12). Kedah Tua juga dikenali sebagai *Kandaram* dalam rekod Tamil (Nilakanta Sastri, 1954:18).

Kedah Tua dikenali sebagai kerajaan yang berorientasikan perdagangan dan merupakan kota pelabuhan purba yang menjadi tumpuan pedagang-pedagang (Allen, 1988:5; Leong Sau Heng, 1980:5 dan Awang Had, 1964:3). Malah kerajaan purba ini dikatakan sebagai masyarakat yang mengamalkan industri besi (Mokhtar *et al.*, 2011:4).

Hal ini dibukti apabila Kedah Tua terkenal sebagai tempat penghasilan pedang (Winstedt, 1920:29). Kawasan Kedah Tua juga ditemui sumber besi (Jones, 1835:544) yang menjadi bahan asas dalam proses industri besi di kawasan ini. Namun begitu, tidak ada rekod daripada kajian awal yang menemukan tapak peleburan besi sebagaimana yang ditemui pada tapak Sungai Batu sejak tahun 2009.

Menurut Sullivan (1958:190), Kedah Tua merupakan kerajaan yang penuh dengan segala kelengkapan yang ditandai dengan sebuah kerajaan yang kecil, dan hanya mempunyai jumlah penduduk dan rumah yang tidak banyak. Braddell (1950:23) menyatakan Kedah Tua mempunyai kawasan pambandaran, perumahan dan pasar, dicadangkan kawasan yang dimaksudkan itu adalah di kawasan Kompleks Sungai Batu berdasarkan bukti jumpaan di kompleks ini.

### **1.3 Lokasi Kedah Tua**

Kerajaan Kedah Tua dicadangkan berevolusi daripada petempatan masyarakat pra-sejarah Guar Kepah di lembah Sungai Muda berdasarkan jumpaan bukti kependudukan zaman Neolitik di kawasan berkenaan yang dipertarikhkan sekitar 5000 ke 6000 tahun dahulu (Mokhtar, *et al.* 2011:3). Hasil kajian oleh Pusat

Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada tahun 2010 mendedahkan jumpaan alat batu, batu pengasah, batu penumbuk, alat perhiasan, serpihan tembikar, seramik dan tulang seperti tulang penyu dan gigi babi telah membuktikan kawasan tersebut pernah dihuni oleh komuniti masyarakat awal (Mokhtar, *et al.* 2011:2).

Selepas itu kerajaan Kedah Tua mula berkembang sebagai salah sebuah lokasi perdagangan yang pesat sehingga abad ke 14 Masihi. Lokasi Kedah Tua yang terletak di sepanjang laluan perdagangan antara Mediterranean dan China memudahkan Kedah Tua menjadi sebuah kota pelabuhan yang pesat membangun (Wales, 1940:1 dan Sanday, 1987:4). Kawasan ini turut terletak di laluan utama antara India dan Asia Tenggara yang menarik perhatian pedagang untuk singgah berdagang (Sullivan, 1958:189).

Salah satu faktor penarik para pedagang untuk singgah di Kedah Tua adalah Gunung Jerai (Plet 1.1). Gunung Jerai yang melunjur ke Tanjung Jaga di pinggir laut bersempadankan daerah Kuala Muda dan Yan dengan ketinggian 1,217 meter (m) dari aras laut (Allen, 1988:8 dan Khoo Kay Khean *et al.*, 1985:209) dan boleh dilihat 15 kilometer (km) dari laut menjadikannya sebagai penanda arah yang penting bagi para pedagang untuk singgah di Lembah Bujang (Jamaludin, 2008:52).

Malah pedagang India menjadikan Gunung Jerai sebagai penanda arah utama ke kawasan ini (Sullivan, 1958:188). Maka tidak hairanlah Kedah Tua menjadi kawasan persinggahan utama kapal-kapal di Asia Tenggara (Andaya, 2011:86 dan Asyaari *et al.*, 2010:305).





Plet 1.1: Gunung Jerai yang terletak di kawasan Lembah Bujang yang mempunyai ketinggian 1217 meter di atas aras laut telah menarik perhatian para pedagang untuk singgah berdagang di kawasan ini.

Peranan Sungai Merbok, Sungai Bujang dan Sungai Muda yang membolehkan kapal melayari sungai sehingga ke pedalaman untuk berdagang telah memesatkan pembangunan ekonomi Kedah Tua. Ini kerana Semenanjung Tanah Melayu mempunyai sungai yang lebar yang dapat menarik perhatian para pedagang untuk singgah berlabuh di kawasan ini (Tuckey, 1815:329). Perkara ini membolehkan pedagang menjalankan aktiviti perdagangan serta mendapat sumber barang dagangan dengan masyarakat di pedalaman.

Corak perdagangan awal merupakan perdagangan pertukaran barang antara kawasan tanah pamah dengan kawasan berbukit atau antara kawasan pedalaman dengan pesisir (Hall, 1985:1-2). Hasil hutan merupakan komoditi utama yang mendapat perhatian tinggi pada masa itu (Allen, 1988:169). Malah kawasan Gunung Jerai juga direkodkan dipenuhi dengan hasil-hasil hutan (Ridley, 1900:23-30). Hal ini melambangkan kekayaan hasil bumi Kedah Tua dan kawasan Tanah Melayu

memang sudah terkenal dengan hutan hujan tropika yang memacu perkembangan peradabannya (Sullivan, 1901:73).

Aktiviti ini menyebabkan berlakunya perubahan kepada kawasan pedalaman iaitu menjadi pusat pengumpulan (Nasha, 2011:291-2). Hasil hutan yang mendapat permintaan tinggi adalah buah pelaga, kayu manis, kulit kayu hitam, gading, cendana, rempah ratus, buluh dan timah (Allen, 1988:209; 1990:308 dan Wheatley, 1961b:217). Barangan seperti emas, rempah ratus, kayu harum seperti kayu cendana, kayu gaharu, kapur barus dan kemenyan merupakan komoditi yang diimport daripada Asia Tenggara (Winstedt, 1935:18 dan Coedes, 1968:19). Malah menurut Dunn (1975:112), Kedah Tua turut membekalkan hasil-hasil hutan seperti buluh, rotan, kapur barus, kayu manis, ambar (kain) dan kayu laka. Hasil hutan ini dibekalkan kepada pedagang terutama kepada pedagang China (Winstedt, 1935:24-25).

Selain itu, Kedah Tua juga dikatakan mempunyai perusahaan melombong bijih timah selain hasil hutan seperti buluh (Winstedt, 1920:29). Malah Kedah Tua terkenal sebagai pengeluar utama barangan timah (Winstedt, 1920:30). Malaya ketika itu turut terkenal sebagai pengeluar utama emas yang menarik perhatian pedagang ke rantau ini. Komoditi emas ini telah diberi tumpuan sejak abad kedua Masihi lagi terutama oleh pedagang India (Braddell, 1939:146). Maka petempatan awal dipilih berdekatan dengan aliran sungai bagi memudahkan proses perdagangan.

Perkara ini disokong melalui analisis Sistem Maklumat Geografi (GIS) yang merekodkan jumpaan tapak kajian Sungai Batu terletak di bahagian lembangan

sungai. Menurut Azlin (2010:310), sungai merupakan nadi penting dalam pembangunan sesebuah kerajaan. Sumber makanan dan sumber air tawar yang mencukupi menjadi faktor terpenting menyumbang kepada perkembangan sesebuah kerajaan (Jamaluddin, 2008:1; 2009:57 dan Azizul, 2010:171). Hal ini dibuktikan dengan banyaknya jumpaan tapak-tapak arkeologi di kawasan Lembah Bujang ini yang berdekatan dengan pinggir sungai (Nik Hassan Shuhaimi *et al.*, 2008:5). Kedudukannya yang strategik iaitu di pinggir sungai telah membantu perkembangan Kedah Tua menjadi kota pelabuhan (Leong Sau Heng, 1990:23).

Muara sungainya yang terletak jauh di bahagian pedalaman telah menghasilkan teluk yang selamat untuk disinggahi oleh kapal dagang (Mokhtar *et al.*, 2011:6). Faktor alam ini telah memainkan peranan penting dalam proses pemilihan petempatan (Christie, 1990:42). Perkara ini jelas melalui aplikasi model Bronson (1977:43), yang mengaitkan kedudukan yang strategik amat membantu dalam proses kelancaran komoditi barang dagangan. Kedudukan yang berdekatan dengan muara sungai dan pertemuan dua sungai, memudahkan urusan perdagangan. Ia juga dijadikan tempat pengumpulan utama bagi komoditi-komoditi daripada bahagian paling hulu sebelum dieksport keluar.

Kelebaran sungai juga memainkan peranan penting dalam perkembangan Kedah Tua. Keadaan ini membolehkan kapal-kapal menyusuri hingga jauh ke bahagian hulu. Hal ini menjadikannya tempat persinggahan terbaik sebelum para pedagang meneruskan perjalanan. Tambahan pula ia berada di kawasan paling utara di semenanjung, iaitu daripada arah timur sebelum merentasi Lautan Hindi (Mokhtar *et al.*, 2011:6). Menurut Reid (1990:7), keperluan untuk mendapatkan sumber bekalan

dan air bersih serta jarak masa perjalanan yang panjang menyebabkan kapal-kapal dagang ini berhenti berlabuh di Tanah Melayu. Selain itu, faktor mendapatkan bekalan air bersih turut menjadi antara penyebab utama Kedah Tua disinggahi pedagang. Hal ini telah direkodkan oleh Braddell (1950:22):

*“Kalah Bar the ship got well water is preferable to springs or rain water”*

Keadaan bentuk muka bumi Kedah Tua banyak membantu dalam perkembangannya menjadi sebuah pelabuhan dagang. Ini kerana kawasan ini mempunyai muara sungai yang luas dan terlindung (Khoo, 1996:365) yang merupakan faktor utama menarik minat pedagang luar ke kawasan ini. Kedah Tua juga berada berdekatan dengan laut, terselindung daripada tiupan angin monsun dan mempunyai kemudahan asas di pelabuhannya turut menjadi penyumbang kepada perkembangan kerajaan purba ini.

#### **1.4 Kajian Terdahulu**

Kajian terdahulu mengenai kerajaan purba Kedah Tua dapat dibahagikan kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama adalah berdasarkan kepada bukti tulisan. Bahagian kedua pula berdasarkan kepada bukti arkeologi. Bukti tulisan merupakan rekod bertulis yang menceritakan peranan kerajaan Kedah Tua dalam memenuhi tuntutan ekonomi pedagang luar yang berdagang di kawasan ini (Nasha *et al.*, 2007:166). Rekod tersebut adalah daripada penulisan India, China dan Arab. Antara rekod penulisan berkenaan adalah *Kathasaritsagara*, *Kaumudimahotsava*, *kesusasteraan tamil*, *prasasti Chola*, sumber China dan Arab (Nasha:2011:103-114).

### 1.4.1 Bukti Penulisan

Sumber penulisan dan sastra India telah ditulis sejak abad kedua Masihi iaitu terdiri daripada syair-syair Tamil (*Pattinappalai* dan *Silappadikaram*) dan kesasteraan Sanskrit (*Kathasaritsagara* dan *Kaumudimahotsava*) (Wheatley, 1980:177-84; Nasha *et al.*, 2008:2 dan Nasha, 2011:111). Kedua-dua penulisan ini telah menceritakan mengenai kerajaan Kedah Tua. Syair *Pattinappalai* dan *Silappadikaram*, menceritakan mengenai *Kalagam* yang terlibat dengan perdagangan eksport (Braddell, 1949:7-11 dan Allen, 1988:211). Syair *Silappadikaram* turut menyentuh kepentingan kepulauan Melayu sebagai kawasan yang mempunyai hubungan perdagangan dengan selatan India. Malah dalam catatan puisi berkenaan turut disebut kapal yang membawa barang dagangan berupa rempah ratus daripada *Kadaram* (Braddell, 1989: 347)

Puisi Tamil seperti *Pattinappalai* juga menyebutkan bahawa *Kazhagam* mempunyai maksud yang sama dengan *Kandaram* yang merujuk kepada Kedah Tua (Adi, 1991:23). Penulisan *Parunkathai* turut menyebut sumber besi daripada Kedah Tua yang dijadikan bahan asas kepada pembinaan kereta kuda puteri *Vacavathaththai* (Nasha, 2011:111).

Pedagang India dianggarkan sampai di Asia Tenggara sejak kurun pertama Masihi. Buktinya pada penulisan mereka dalam kitab Ramayana ada menyebut mengenai *Suvarnavipa* (Semenanjung Emas) dan *Suvarnabhumi* (Bumi Emas) iaitu nama wilayah yang terdapat pada Asia Tenggara (Zawiyah, 2007:122). Perkara ini jelas memperlihatkan bahawa terdapat rekod awal yang menerangkan perhubungan antara

India dengan masyarakat di Tanah Melayu pada awal abad Masihi (Nilakanta Sastri, 1954:12). Malah Hall (1994:37-41), menyatakan bahawa beberapa buah kerajaan pada abad awal Masihi telah muncul dengan pengaruh India dan salah satu kerajaan tersebut adalah Kedah Tua.

Syair *Kathasaritsagara* (1070 A.D) merupakan sebuah himpunan cerita-cerita yang ditulis dalam bahasa Sanskrit. Syair *Kathasaritsagara* menceritakan mengenai kemudahan pelabuhan yang terdapat di *Kataha* (Allen, 1988:211 dan Nasha *et al.*, 2007:167). Dalam penulisan ini juga menyatakan bahawa pelabuhan Kedah Tua merupakan sebuah pelabuhan yang kaya dan diperakui kewujudannya (Nasha, 2011:112).

Penulisan *Kaumudimahotsava* menyatakan bahawa Kedah Tua dikenali sebagai *Katahanagara* dan pelabuhan Kedah Tua merupakan bandar yang terkenal dan dilawati oleh pedagang India secara berterusan (Braddell, 1949:8 dan Nasha, *et al.*, 2007:167). Pelabuhan ini dikatakan mempunyai perkaitan perdagangan dengan India iaitu di Tamralipi, iaitu di Teluk Bengal. Prasasti Chola pula yang terdiri daripada prasasti Kepingan Besar Leiden, prasasti Tamil Rajendra I Chola, prasasti Keping Kecil Leiden Kulotungga I dan prasasti Raja Virarajendra Chola (Nasha *et al.*, 2007:168) turut menceritakan keberlangsungan kerajaan Kedah Tua ini. Contohnya prasasti Kepingan Besar Leiden yang merekodkan perhubungan antara *Kataha* dengan Srivijaya.

Cacatan daripada pelayar China direkodkan oleh I-Tsing pada tahun 671 Masihi. I-Tsing menyatakan bahawa Kedah Tua dikenali dengan nama *Chieh-Cha* (Braddell,

1950:19-20). Dalam penulisan tersebut I-Ching merekodkan perjalanan beliau pergi dan balik ke Nalanda untuk mempelajari agama Buddha. Dalam perjalanan tersebut I-Ching telah singgah di pelabuhan Kedah Tua.

*“After his first visit to Srivijaya I-Ching went to Mo-lo-yu where he stayed for 2 months and then, changing his direction, went to Chieh-ch’a....”* (Braddell, 1950:19).

Menurut Han Shu, Semenanjung Tanah Melayu telah menerima kedatangan pedagang China dan India sejak abad pertama Masihi. Liang Liji menyatakan hubungan antara Alam Melayu dengan China telah lama wujud sebelum abad Masihi iaitu pada abad kedua sebelum Masihi sejak zaman Dinasti Han (140-177 S.M) (Zawiyah, 2007:117).

Catatan Arab dikesan menerusi *Akhbar Al-Sin W'al Hind*. Menerusi akhbar ini, pedagang Arab telah merekodkan laluan perdagangan dan hasil dagangan mereka pada tempat-tempat yang mereka singgahi. Antara pelabuhan penting yang disebut dalam penulisan Arab ini adalah Kalah (Kedah Tua) dan Zabaj (Srivijaya) (Braddell, 1950:21-27 dan Nasha *et al.*, 2007:172-173).

Berdasarkan rekod penulisan, Kedah Tua telah digambarkan sebagai pelabuhan enterport yang maju. Pelabuhannya sentiasa dikunjungi dan hasil rempah ratus telah dieksport keluar di pelabuhannya. Mengikut rekod India pelabuhan ini terletak di pintu Selat Melaka (Nasha, 2011:107). Terdapat rekod yang menyatakan kerajaan Kedah Tua terletak di perairan Asia Tenggara. Berdasarkan rekod terdahulu lokasi tepat Kedah Tua tidak dijelaskan dengan teliti. Walaupun rekod terdahulu menyebut mengenai Kedah Tua sebagai kawasan tumpuan perdagangan, namun rekod

berkenaan tidak menyatakan lokasi pelabuhan Kedah Tua. Malah rekod terdahulu juga tidak menjelaskan senibina struktur pelabuhan yang terdapat di Kedah Tua. Rekod-rekod tersebut menyatakan perhubungan yang wujud antara Kedah Tua dengan kerajaan Madurai, kerajaan Chola dan Kota Tamralipti selain menyatakan jenis barang yang dieksport dari pelabuhan Kedah Tua.

#### **1.4.2 Bukti Arkeologi**

Bukti arkeologi melibatkan kajian yang telah dijalankan oleh sarjana terdahulu bagi mengkaji peradaban kerajaan Kedah Tua. Secara amnya penyelidikan arkeologi di Lembah Bujang telah dimulakan pada tahun 1848. Sehingga kini kajian arkeologi Lembah Bujang masih diteruskan. Beberapa pengkaji daripada barat mahupun pengkaji tempatan telah mengkaji sejarah kerajaan ini berdasarkan matlamat, permasalahan dan skop yang secara amnya berbeza-beza mengikut pandangan pengkaji itu sendiri.

Berdasarkan kajian sarjana terdahulu, dicadangkan terdapat dua fasa penyelidikan di Lembah Bujang. Perbezaan Fasa I dan Fasa II adalah daripada segi pendekatan yang digunakan dalam mengkaji sesuatu isu yang ingin diselesaikan iaitu kajian Fasa I adalah kajian secara am sahaja manakala kajian Fasa II adalah kajian yang bersifat saintifik.

##### **1.4.2.1 Fasa 1 (Tahun 1848-1935)**

Pada Fasa I, pengkajian sejarah Lembah Bujang diterajui oleh James Low, Irby dan Evan (Jadual 1.1). Ketiga-tiga pengkaji awal ini bukanlah ahli arkeologi tetapi



merupakan pentadbir British yang menjalankan kajian secara am sahaja. Ini kerana pengkajian mereka hanya tertumpu kepada nilai estatika artifak semata-mata tanpa memberi tumpuan kepada hubungan antara artifak dengan Kedah Tua. Kajian pada tahap awal bertumpu kepada pendedahan nilai kesenian artifak sahaja.

Jadual 1.1: Pengkaji yang mengkaji sejarah Kedah Tua pada Fasa I.

PENKAKAJI	TAHUN PENKAKAJIAN
James Low	1840-an
Irby	1894
Evan	1920-an

Kolonel James Low merupakan individu pertama memulakan aktiviti penyelidikan di Lembah Bujang pada tahun 1848-9 (Sullivan, 1958:190). Beliau bukanlah seorang sarjana atau ahli arkeologi. Beliau merupakan Gabenor Negeri-Negeri Selat. Beliau telah memulakan tinjauan di kawasan sekitar Lembah Bujang pada waktu itu. Tapak 1, Bukit Choras turut dijalankan tinjauan oleh Low. Namun begitu Low tidak membuat catatan lengkap mengenai struktur pada tapak ini (Kamaruddin, 1989:25-26).

Selain itu, Low juga secara tidak sengaja telah menjumpai runtuh struktur bangunan candi serta inskripsi batu bersurat *Buddhagupta* di Permatang Guar Kepah, Seberang Perai (Braddell, 1939:167; Wheatley, 1966:273-74; Wales *et al.*; 1940:1; Adi, 1998:6 dan Victoria, 2002:98). Batu bersurat *Buddhagupta* memaparkan ciri-ciri agama Buddha yang memungkinkan candi Buddha pernah terdapat di kawasan ini (Winstedt, 1935:19-20).

Low turut menemui batu bersurat Cherok Tok Kun di Seberang Prai yang merupakan inskripsi yang besar. Batu bersurat ini berada dalam keadaan usang yang menyebabkan isi kandungannya tidak dapat dikenal pasti (Rajantharan, 1999:58). Batu bersurat Cherok Tok Kun ini dicadangkan mewakili agama Buddha (Braddell, 1939:166; Low, 1848:64 dan Mashhor, 1956:61). Batu bersurat Bukit Mertajam turut ditemui oleh Low yang mengandungi syair yang berkait rapat dengan sistem falsafah *sankhya* dan sistem falsafah *Vedanta* berbanding dengan sistem falsafah agama Buddha (Rajantharan, 1999:59). Namun begitu Low tidak membuat laporan lengkap mengenai penemuannya. Low hanya membuat salinan nota sahaja seperti yang terdapat pada Sejarah Kedah (*Kedah Annals*) iaitu:

*“I have discovered undoubted relics of a Hindoo colony, with ruins of temple”*  
(Low, 1908:183; 1940:4)

Bertitik tolak kepada jumpaan tidak sengaja inilah telah menarik minat para sarjana untuk membuat pengkajian yang lebih serius dan mendalam mengenai tamadun yang pernah wujud di Lembah Bujang.


Selain itu, terdapat jumpaan yang dapat mengaitkan Lembah Bujang dengan peninggalan Hindu-Buddha seperti yang dilaporkan oleh dua orang petugas juruukur di Gunung Jerai. Jumpaan ini adalah bekas tapak candi berdasarkan kepada laporan yang telah dikemukakan oleh kedua-dua petugas juruukur terbabit (Supian, 2002:24). Beberapa catatan yang dibuat oleh pegawai Inggeris melalui survei dan penyelidikannya di Gunung Jerai telah melaporkan penemuan beberapa struktur tinggalan bangunan di puncak gunung tersebut (Irby, 1905:77; Supian, 2002:24).

Kajian Irby di Gunung Jerai (tapak 9) pada tahun 1905 menjumpai struktur candi dan beberapa tempat pembakaran di Gunung Jerai (Irby, 1905:79-81). Pengkajian pada puncak Gunung Jerai ini merupakan proses ekskavasi yang pertama dilakukan di tapak tamadun ini (Irby, 1905:77). Struktur ini telah ditemui secara tidak sengaja oleh Irby semasa melakukan pembakaran di puncak Gunung Jerai. Struktur ini berbentuk *platform* dengan ukuran 16 kaki persegi serta mempunyai sudut dua jalur jalan yang menggunakan blok granit. Kajian Irby tidak menemukan sebarang artifak yang penting melainkan batu bulat dan granit (Evan, 1927:105-113).

Pada tahun 1921 sehingga 1923, Evans telah menjalankan penyelidikan di Sungai Batu (Nik Hassan Shuhaimi, 2008:23; Adi, 1985:196 dan Leong Sau Heng, 1985:216) dan hasilnya beliau menemui arca Durga Mahisasuramardhini dan arca Ganesha (Supian, 2002:25). Lokasi tapak kajian (Peta 1.2) Evan ini berada 5.6 kilometer di bahagian utara dari Kompleks Sungai Batu yang dijalankan kajian oleh Universiti Sains Malaysia sekarang.

Berdasarkan kepada penemuan tersebut, Low dan Evan menyatakan pendapat mereka mengenai jumpaan candi di Lembah Bujang mempunyai perkaitan dengan difusi oleh masyarakat India yang mengamalkan ajaran penyembahan dewa Siva (Evan, 1926:76).

Evans turut menjalankan kajian di sekitar kawasan Sungai Bujang dan hasil kajian telah menemukan beberapa tapak iaitu tapak 4 (Estet Sungai Batu), tapak 9 (Gunung Jerai), tapak 13 (Kampung Sungai Batu) dan arca-arca Hindu (Evan, 1922b:21-5).



Peta 1.2: Lokasi Kompleks Sungai Batu (bulatan berwarna merah) yang berada di bahagian selatan tapak 5, Estet Sungai Batu (bulatan berwarna kuning) yang ditemui oleh Evan (selepas Faramasrine *et al.*, 2011:28).

Menurut Nasha (2011:24), kajian awal yang dilakukan oleh para sarjana ini hanya kajian untuk mendapatkan artifak semata-mata dan tanpa tujuan kajian yang nyata. Tambahan pula pengkaji awal ini tidak mempunyai pengetahuan mengenai kronologi pensejarahan Kedah Tua dan metodologi yang sesuai bagi menjalankan kajian dengan lebih tersusun dan sistematik. Oleh yang demikian dapat disimpulkan bahawa pengkajian awal ini dapat dijadikan landasan awal kepada pengkajian yang lebih serius dan dipimpin selepas itu.

#### 1.4.2.2 Fasa II (Tahun 1937-2012)

Penyelidikan Fasa II melibatkan pengkajian sekitar tahun 1937 sehingga kini (2012) melibatkan jarak masa sekitar 75 tahun (Jadual 1.2).

Jadual 1.2: Pengkaji yang terlibat dalam penyelidikan Kedah Tua pada Fasa II.

<b>PENKAJI</b>	<b>TAHUN PENKAJIAN</b>
Wales	1930-1940-an
Tregonning	1950-1960-an
Sullivan	1950-1960-an
Alastair Lamb	1950-1960-an
Peacock	1960-an
Al-Rashid Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd Rahman Adi Taha Leong Sau Heng	Sejak 1970-an
Jane Allen	1980-an
Supian Sabtu Kamarudin Zakaria	1990-an
Mokhtar Saidin	Sejak 2009-Kini (2012)

Antara pengkaji yang terlibat dalam kajian Fasa II adalah Wales (Nik Hassan Shuhaimi, 1980:19). Beliau bersama isterinya telah melakukan penyelidikan yang

lebih bersistematik (Adi, 1985,196) dengan menjalankan penyelidikan di lebih 30 buah tapak di sekitar Lembah Bujang dengan bantuan penduduk tempatan (Nik Hassan Shuhaimi *et al.*, 1992:13, 1980:19). Penyelidikan yang dilakukan oleh Wales dibiayai oleh *Greater India Research Committee* yang berpusat di Calcutta, India (Supian, 2002:25-26). Pengkajian ini bertujuan untuk mencapai matlamat melihat sejauhmanakah perluasan pengaruh India di utara Semenanjung dan untuk membuktikan teori bahawa Lembah Bujang sudah wujud aktiviti perdagangannya yang tersendiri pada masa dahulu (Nik Hassan Shuhaimi, 1980:19).

Hasil pengkajian mereka telah direkodkan dan dilaporkan secara ringkas. Mereka juga menghasilkan ilustrasi lakaran tapak serta artifak yang ditemui. Malangnya kebanyakan artifak yang dijumpai telah dibawa ke Muzium Raffles untuk dianalisis dan juga dipamerkan. Wales turut menjalankan kajian di beberapa buah tapak seperti tapak 16A (Kampung Pendiati), tapak 31(Permatang Pasir), tapak 2 (Bukit Meriam) dan tapak 8 (Bukit Batu Pahat) sekitar tahun 1958-61 (Wales, 1940: 6-11; Evan, 1931:43-44; Dorothy *et al.*, 1947:6- 11; Sullivan, 1958:192-219 dan Nik Hassan Shuhaimi, 1980:19; 1984:203). Tapak 4 (Estet Sungai Batu) juga merupakan tapak yang dikaji oleh Wales yang dipertarikhkan sekitar abad keenam dan ketujuh Masihi berdasarkan penemuan artifak seperti patung Ganesha, Lingga dan arca Durga Mahisasura (Wales, 1940:6-11).

Kebanyakan tapak yang dikaji oleh Wales ini mendedahkan bukti vimana dan mandapa iaitu tapak 4 (Estet Sungai Batu), tapak 5 (Estet Sungai Batu), tapak 6 (Kampung Sungai Batu), tapak 8 (Bukit Batu Pahat), tapak 11/3 (Estet Sungai Batu), tapak 16 (Kampung Pendiati), tapak 21 (Pengkalan Bujang), tapak 22 (Pengkalan

Bujang), tapak 31 (Kampung Permatang Pasir) dan tapak 50 (Bendang Dalam) (Wales, 1940:6-40). Tapak 14 (Kampung Bendang Dalam) dan tapak 15 (Kampung Bendang Dalam) mendedahkan bukti vimana. Menurut Nik Hassan Shuhaimi (1985:15), jumpaan arca yang tertua telah ditemui pada tapak 16 (Kampung Pendiati) yang mewakili agama Buddha di Lembah Bujang.

Tapak lain yang dikaji oleh Wales yang mendedahkan bukti selain vimana mandapa ialah tapak 12 (Kampung Sungai Batu) yang mendedahkan bukti tempat ibadat, tapak 13 (Kampung Sungai Batu) merupakan kompleks candi aliran Siva yang mendedahkan lima buah struktur binaan (Wales, 1940:26-31) dan tapak 17 (Bukit Pendiati) mendedahkan stupa agama Buddha yang berbentuk oktagon (Wales, 1940:37). Wales (1940:37-8) menyatakan tapak 18 (Pengkalan Bujang) sebagai istana tetapi berdasarkan senibina, struktur ini mungkin lebih jelas sebagai struktur keagamaan. Tapak 19 (Pengkalan Bujang) mendedahkan bukti candi Siva berdasarkan jumpaan yang ditemui pada tapak (Wales, 1940:39-40).

Pada tahun 1958 Wales mendapatkan kerjasama daripada *Conservation d'Angkor* iaitu pakar daripada Perancis untuk menjalankan kerja-kerja baik pulih struktur candi Sungai Batu Pahat (Lamb, 1980:70; 1960:15). Struktur tapak candi Sungai Batu Pahat terdapat dalam laporan Lamb (Lamb, 1980:61-66).

Salah satu sumbangan Wales adalah beliau telah menamakan setiap tapak kajian di Lembah Bujang dengan urutan nombor. Idea memberi pengenalan tapak berdasarkan nombor telah dimulakan pada tahun 1940 (Wales, 1940:5-47). Perkara ini dilakukan

berikutan begitu sukar untuk meletakkan nama tempat dan nama lain bagi setiap tapak yang ditemui berikutan tapak tersebut berada dalam keadaan berkelompok dalam beberapa buah kawasan yang kecil (Nik Hassan Shuhaimi *et al.*, 1992:10). Berdasarkan kajian beliau, Wales menyatakan bahawa tapak-tapak yang dikaji di Kedah adalah mewakili satu kerajaan yang telah direkodkan dalam pelbagai nama. Menurut Wales, kerajaan Kedah Tua ini secara relatifnya wujud sekitar abad keempat sehingga 14 Masihi (Braddell, 1951:168).

Jumpai artifak pada tapak kajian Wales ini telah beliau rekodkan dan kebanyakan pentarikan yang dilakukan oleh Wales ke atas tapak kajiannya adalah berdasarkan kepada jumpai artifak (Treloar *et al.*, 1975:74-76). Selain itu, Wales turut menumpukan kepada aspek ikonografi dan senibina yang terdapat pada tapak kajiannya. Wales melalui kajian ini telah menetapkan permasalahan kajian dan perkara ini menjadi kayu pengukur kepada perbezaan corak pengkajian sejarah Lembah Bujang pada Fasa I dan Fasa II.

Penyelidikan arkeologi Lembah Bujang diteruskan lagi pada tahun 1956 (Nik Hassan Shuhaimi, 1980:19) oleh Persatuan Arkeologi Universiti Malaya yang pada waktu itu berpusat di Singapura. Di bawah bimbingan dan seliaan Tregonning dan Sullivan beberapa projek ekskavasi telah dijalankan di sekitar Seberang Prai dan Lembah Bujang. Antara kawasan yang telah dikaji adalah Guar Kepah, Neo Bah Estate (Tikam Batu), Kampung Matang Pasir, Bukit Batu Lintang, Kampung Sireh, Kampung Pokok Kabu, Kampung Pinang Tunggal dan Kampung Pulau Seberang Perai (Sullivan, 1958:188-219 dan Fong See Tonn, 1959:209-213). Fungsi dan pengaruh kesenian tapak turut diberi tumpuan oleh Sullivan dalam kajiannya (Nasha,



2011:26). Sullivan menumpukan penyelidikannya hanya di daerah Kuala Muda dan Seberang Perai Utara (Dorothy *et al.*, 1947:10).

Sullivan juga telah meneliti kembali tapak 31 (Permatang Pasir) yang sebelum ini dikaji oleh Dorothy Wales. Berdasarkan kajian Sullivan pada tapak tersebut menyebabkan beliau menyangkal pendapat Dorothy Wales dengan menyatakan bahawa tapak tersebut mendedahkan bukti senibina berbentuk segi empat dan bahan asas pembinaan struktur ini adalah daripada batu laterit (Sullivan, 1958:193). Sullivan berpendapat bahawa tapak 31 (Permatang Pasir) mendedahkan bukti senibina Buddha iaitu mandapa yang berbentuk segi empat yang memanjang (Sullivan, 1958: 196). Interpretasi beliau ini sekali lagi menyangkal pendapat Dorothy Wales yang menyatakan tapak ini mendedahkan peninggalan Hindu. Pada tapak ini turut ditemui senibina stupa yang menguatkan interpretasi Sullivan mengenai tapak 31 (Sullivan, 1958:196).

Pentarikan tapak 31 ini turut disangkal oleh Sullivan. Sullivan mencadangkan pentarikan tapak ini sekitar abad ke 10 Masihi berbeza dengan pentarikan yang diberi oleh Dorothy Wales sekitar abad ke-13 Masihi. Beliau meragui pentarikan relatif ke atas pecahan seladon oleh Dorothy Wales yang mengaitkannya dengan zaman Dinasti Sung. Menurut Sullivan, hasil kajian Wales di Lembah Bujang sekitar abad ke sembilan dan 10 Masihi merupakan zaman perkembangan agama Buddha Mahayana (Sullivan, 1958:196).

Tregonning telah melakukan survei pada tapak Bukit Batu Lintang pada tahun 1956. Hasil aktiviti survei, beliau menemui asas struktur candi pada tapak tersebut. Asas struktur terdiri daripada batuan laterit. Antara artifak yang ditemui pada tapak ini adalah pecahan seladon, tembikar, tembaga dan besi. Jumpaan lain yang ditemui adalah patung Ganesha yang diperbuat daripada batu granit dan patung Dwarapala. Arca lain yang ditemui adalah arca dewa Yahshimi (Sullivan, 1958:208). Berdasarkan gaya seni arca, Tregonning berpendapat tapak ini wujud sekitar abad ketujuh hingga kesembilan Masihi. Namun begitu, Sullivan berpendapat pentarikan tapak ini adalah sekitar abad ke 10 atau lebih awal lagi. Pendapat Sullivan ini juga dikemuka berdasarkan penelitiannya terhadap seni arca yang ditemui pada tapak ini.

Lamb (1980) telah menjalankan ekskavasi menyeluruh dan menekankan kepentingan artifak yang ditemui di tapak tersebut. Beliau turut membuat lakaran ilustrasi terhadap tapak-tapak yang dikajinya dan ilustrasi ini lebih jelas daripada ilustrasi yang dibuat oleh Wales.

Berdasarkan kajian Lamb (1980), beliau menyatakan kesenian yang terdapat pada senibina candi adalah cenderung kepada senibina Asia Tenggara daripada senibina di Asia Selatan iaitu India. Ini kerana senibinanya tidak melambangkan senibina yang terdapat di India Selatan (Lamb, 1980:66) Oleh yang demikian Lamb menolak pendapat Wales bahawa candi di Lembah Bujang terutama tapak 8 (Bukit Batu Pahat) dibina oleh pedagang India pada zaman Pallava (Nik Hassan Shuhaimi, 1980:20).

Lamb dan M. Louis Contant dari Perancis telah membuat ekskavasi di tapak 8, candi Bukit Batu Pahat (Lamb, 1959:214-230). Kajian ini dijalankan pada tahun 1961 (Allen, 1990:310). Hasil ekskavasi dan penyelidikan yang dijalankan telah menemukan beberapa artifak Hindu-Buddha yang sangat berharga. Artifak tersebut adalah enam relikuari bersama peripih dan somasutra (Lamb, 1960:74-108 dan Supian, 2002:26). Menurut Lamb (1980: 79-80), terdapat lebih kurang enam tapak struktur kuno daripada bata di Lembah Bujang yang diklasifikasikan fungsinya kemungkinan sebagai candi Hindu atau Buddha. Berdasarkan kajiannya beliau menyatakan bahawa Kedah Tua telah berkembang sejak sekian lama dengan melakukan perhubungan pertukaran barangan dengan pihak luar dan dalam (Allen, 1990:311).

Tapak lain yang direkodkan oleh Lamb (1962:67), iaitu tapak-tapak di Pengkalan Bujang seperti tapak 18, tapak 19, tapak 20, tapak 21, tapak 22 dan tapak 23. Lamb turut menjalankan kajian pada tapak 1, Bukit Choras dan beliau menyatakan bahawa struktur pada tapak berkenaan adalah struktur terawal di Tanah Melayu serta di Asia Tenggara. Struktur pada tapak berkenaan dipertarikhkan sekitar abad keempat Masihi berdasarkan inskripsi yang ditemui pada tapak berkenaan (Lamb, 1962:67).

Berdasarkan kajian Lamb dan Wales pada tahun 1940, mengenai sedimen yang terdapat pada perlabuhan Pengkalan Bujang, beliau berpendapat bahawa pusat tumpuan perdagangan Kedah Tua tertumpu di bahagian muara, sungai atau pantai sehingga abad ke-13 Masihi sebelum berubah ke bahagian selatan iaitu Kampung Sireh berdekatan Sungai Muda. Perkara ini terjadi kerana air Sungai Merbok mulai cetek dan tidak sesuai bagi kapal untuk berlabuh (Allen, 1990:311).

Tapak Permatang Pasir (tapak 31) merupakan salah satu tapak yang pernah dikaji oleh Lamb selepas tapak ini dikaji oleh Wales. Beliau menjalankan kajian dengan lebih tersusun pada tapak ini dan menjelaskan mengenai struktur vimana-mandapa secara umum. Selepas itu, Tregonning melakukan kerja-kerja ekskavasi pada tahun 1957 dan diakhiri pengkajiannya oleh Lamb pada tahun 1961 (Nik Hassan Shuhaimi, 1980:19 dan Leong Sau Heng, 1985:216). Kajian ekskavasi Lamb di Pengkalan Bujang bagi mencari bukti kepentingan ekonomi dan perdagangan yang penting di bahagian Sungai Merbok dalam konteks perdagangan maritim Asia Tenggara (Leong Sau Heng, 1985:216). Beliau turut mencari bukti arkeologi hingga ke selatan Thailand.

Peacock telah meneliti semula kajian Wales pada tapak 11/3 (Estet Sungai Batu), tapak 13 (Kampung Sungai Batu), tapak 14 (Kampung Bendang Dalam), tapak 16 (Bukit Pendiati) dan tapak 31 (Permatang Pasir) (Peacock, 1980:84-88). Kajian ini memberikan tumpuan kepada penelitian struktur candi (Nik Hassan Shuhaimi, 1984:204-214). Penelitian semula beliau ini direkodkan dalam penulisan yang berjudul *New Light on the Ancient Settlements of Kedah and Province Wellesley* yang diterbitkan pada tahun 1980. Beliau telah mengklasifikasi candi di Lembah Bujang kepada dua jenis iaitu jenis A dan B. Jenis A adalah struktur candi yang mempunyai struktur vimana-mandapa yang terpisah, manakala jenis B merupakan struktur vimana-mandapa yang bersambungan (Peacock, 1980:87-88). Senibina vimana dan mandapa yang bersambung adalah pada tapak 4 (Estet Sungai Batu) hingga tapak 8 (Bukit Batu Pahat) dan tapak 11/3 (Estet Sungai Batu). Menurut Peacock (1980: 86), candi yang selebihnya merupakan candi yang vimana mandapa tidak bersambung.